

08/01/2001

Megawati bukan cari sokongan

KUALA LUMPUR, Ahad - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menolak dakwaan lawatan Naib Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri, bertujuan mendapatkan sokongan politik dari Malaysia.

Beliau berkata, Malaysia tetap berpegang kepada dasar tidak campur tangan dalam soal politik negara jiran dan beliau tidak menganggap lawatan itu mempunyai niat sedemikian.

"Lawatan pemimpin dari negara jiran itu (ke Malaysia) adalah lazim dan tidak perlu diberi pelbagai tafsiran," katanya pada sidang akhbar di Wisma Putra, hari ini.

Beliau yang mengadakan rumah terbuka Aidilfitri di pekarangan Wisma Putra berkata, lawatan rasmi Megawati ke Malaysia bermula hari ini bertujuan meningkatkan hubungan dua hala.

Lawatan kali pertama bagi beliau sejak dilantik sebagai naib presiden pada Oktober 1999 itu, adalah atas undangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Lawatan itu juga bertujuan merapatkan hubungan silaturahim dengan pemimpin Malaysia serta mempertingkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara," katanya.

Megawati yang ditemani suaminya, Taufiq Kiemas serta rombongan seramai 40 orang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, petang tadi.

Ketibaan beliau dari Bangladesh disambut oleh Syed Hamid. Turut hadir Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil selaku Menteri Pengiring; Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa; Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hadi Wayarabi Al-Hadar dan isteri serta Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Aseh Che Mat.

Ketika lawatan tiga hari ke negara ini, Megawati dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan berbincang serta bertukar-tukar pandangan dengan Abdullah mengenai hal ehwal antarabangsa dan serantau yang berkepentingan kepada kedua-dua negara.

Megawati dan rombongannya juga dijangka mendengar taklimat mengenai program serta dasar pembangunan ekonomi Malaysia oleh Unit Perancang Ekonomi dan melawat ibu pejabat Petronas.

Selepas melakukan lawatan rasmi ke Malaysia, Megawati dan rombongannya dijangka berlepas ke Singapura.

Mengenai lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Myanmar, Syed Hamid berkata, tujuan lawatan itu perlu dipisahkan dengan lawatan wakil Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail ke negara berkenaan.

Katanya, lawatan tidak rasmi Perdana Menteri yang pernah menyokong kemasukan Myanmar ke dalam Asean, bertujuan mengeratkan hubungan dua hala manakala Razali pula sebagai wakil Kofi Annan.

"Kita berharap sekiranya berlaku apa-apa perubahan di Myanmar, proses itu dibuat melalui pembangunan ekonomi," katanya.

(END)